

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA**  
**MALAM MESRA MEDIA UniMAP 2013**  
**17 JANUARI 2014\*HOTEL PUTRA PALACE\***

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia, Prof Madya Dr Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof Dr Abdul Hamid Adom,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia Mr Tony Tee Boon Chai, Group Deputy Chairman/ Group Deputy Managing Director

Yang Berbahagia Mr Yee Pengwai, Director Galaxy Automation Sdn Bhd

Yang Berbahagia Mr Yap Haimeng, Director, Galaxy Technical and Supply Services Sdn Bhd

Yang Dihormati, Encik Adnan Jahaya, Pengerusi Kelab Media Perlis (KEMPs)

Yang Dihormati, Puan Nurulhusna Mohd Kassim , Timbalan Pengarah Penyiaran Negeri Perlis

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Penolong-penolong Naib Canselor,

Yang Berusaha, Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah, Pengarah Unit Media, UniMAP.

Dekan-dekan dan Ketua-ketua jabatan,

Warga-warga Media yang diraikan,

Seterusnya hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

### **Kata Alu-aluan**

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya jua, dapatlah kita bersama-sama pada majlis Malam Mesra Media UniMAP 2013 pada malam ini.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kerana hadirin hadirat sekalian sudi hadir ke majlis ini terutama para pengamal media yang diraikan serta tidak lupa terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penaja yang turut membantu memberi tajaan bagi merealisasikan Malam Mesra Media 2013 ini.

Selamat datang juga diucapkan kepada delegasi dari **Galaxy Group of Companies (GGOC)** yang telah memeterai memorandum perjanjian (MoU) dengan UniMAP sebentar tadi.

Sesungguhnya, saya berasa amat berbesar hati untuk menganjurkan majlis seumpama ini sebagai satu bentuk ucapan terima kasih dan penghargaan saya buat warga media di negeri Perlis yang sentiasa membantu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) selama ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **Perjanjian Persefahaman (MoU)**

Untuk makluman hadirin, MoU yang telah ditandatangani sebentar tadi di antara **GGOC di bawah The Associate Companies of Galaxy Automation Sdn Bhd dan Scientific Technical Products Sdn Bhd** merupakan suatu persetujuan antara UniMAP dan GGOC bagi menjalinkan kerjasama dalam pelbagai aspek berkaitan teknologi kejuruteraan.

Dalam erti kata lain, UniMAP dan GGOC akan bersama **membangunkan program-program terpilih** untuk kebaikan semua pihak selain **berkongsi kemudahan dalam membangunkan kerja, pendidikan dan penyelidikan** serta membantu UniMAP dalam program kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), penyelidikan dan industri di Korea.

Malah MoU ini turut memberi manfaat dengan **menyediakan program latihan** untuk pelajar kejuruteraan tahun akhir yang berkaitan dengan Fakulti Teknologi Kejuruteraan selaras dengan **GGOC** yang memfokuskan **bidang Teknologi Robotik, Teknologi Komunikasi Wayarles Mudah Alih, dan lain-lain program berkaitan** yang saya pasti bakal memberi banyak kebaikan bersama antara kedua-dua pihak.

Hadirin sekalian,

### **Sasaran UniMAP 2014**

Hari ini sudah masuk hari ke 17 kita memasuki tahun baru 2014, dan saya percaya hadirin sekalian juga mempunyai pelbagai perancangan bagi tahun 2014 ini, malah UniMAP sendiri juga seawal 1 Januari 2014 sudah **menggariskan hala tuju sepanjang tahun ini bagi meningkatkan kecemerlangan** di peringkat kebangsaan mahupun di persada antarabangsa.

Justeru, hubungan akrab di antara media dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terutama UniMAP banyak membantu bagi merealisasikan sasaran serta hasrat UniMAP, selain media juga berperanan membantu masyarakat memahami isu yang dialami pengurusan universiti terutama dalam merangka perancangan di masa depan.

Selain itu, komitmen dan kerjasama yang warga media berikan berjaya membantu UniMAP menempatkan diri sebagai antara universiti terbaik di Malaysia. Alhamdulillah.

Hadirin sekalian,

Untuk makluman, UniMAP sebelum ini berjaya menduduki tangga ke **242 QS Asian University** dan pada tahun ini UniMAP telah menetapkan sasaran di kelompok **150 universiti teratas** dalam **QS Asian University Rankings (AUR)** dan **kelompok 500 universiti teratas dunia dalam World University Rankings (WUR)**.

Namun, sasaran ini tidak akan tercapai tanpa usaha semua pengamal media ini yang kita sedia maklum bahawa peranan media begitu penting **dalam menyebarkan maklumat mengenai pencapaian serta kejayaan-kejayaan UniMAP** samada di media cetak mahupun elektronik sekaligus menjadikan UniMAP bukan sahaja universiti yang dikagumi di Malaysia dan dunia malah **mewujudkan suatu pandangan yang amat positif masyarakat** terhadap UniMAP.

Selain itu, pada tahun ini juga UniMAP bakal menjadi tuan rumah dalam pelbagai program berprestij termasuk **Asia Summer Program (ASP) 2014** pada bulan Ogos diikuti **4<sup>th</sup> World University Woodball Championship (AUWC) 2014** pada bulan Oktober dan **20<sup>th</sup> Conference of The Islamic World Academy of Sciences (IAS)** pada November selain program-program hebat lain yang sudah dirancang sejak tahun lalu.

Justeru, **warga media adalah amat dialu-alukan bagi membuat liputan** sepanjang penganjuran program-program ini berlangsung kerana UniMAP akan menjadi tumpuan pelbagai negara luar nanti.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

### **Pencapaian UniMAP 2013**

Pada tahun lalu, UniMAP telah melakar banyak kenangan manis apabila **berjaya memenangi pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa** dan kejayaan-kejayaan ini turut dikongsi ke seluruh negara dan dunia khususnya negeri ini sendiri melalui hebahan dan penyebaran maklumat oleh pihak media.

Ini bukan sahaja menjadikan UniMAP terkenal malah **kejayaan-kejayaan ini juga turut mengharumkan negeri Perlis** sekaligus memberi impak yang positif kepada pembangunan negeri ini dalam pelbagai sektor.

Antara kejayaan yang berjaya diraih UniMAP tahun lalu ialah:-

- **Anugerah Kualiti SIRIM (AKS)**
- **Sijil ISO/IEC 17025:2005 oleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)**
- **Pengiktirafan MS ISO 9001:2008**
- **Anugerah Emas bagi Kualiti dan Prestij Perniagaan (*Golden Award for Quality and Business Prestige*)**
- **THE BIZZ 2013 Award**
- **UniMAP menjadi Juara Keseluruhan Kali Ke-6 berturut-turut dalam Sukan Staf IPTA (SUKUM)**
- **The Majestic Five Continents Award for Quality & Excellence**
- **UniMAP dinobatkan sebagai Institusi Terbaik (*Best Enterprise*) manakala Naib Canselornya, dinobatkan sebagai “Manager of The Year”.**

- **Anugerah ‘The Name in Science’**
  - **Anugerah ‘Best Campus’**
- Dan banyak lagi.**

Malah, pada tahun lalu juga UniMAP turut diberi kepercayaan menganjurkan program berprestij seperti **Asian University President Forum (AUPF) 2013** dan **Asian University Woodball Championship (AUWC 2013)**.

Pendek kata, sepanjang usia 11 tahun ini, sememangnya para pengamal media dilihat telah banyak membantu dalam memberi pendedahan melalui berita mengenai **pencapaian UniMAP yang membanggakan** serta berita mengenai **hasil-hasil kajian baru, perkembangan universiti** termasuklah penubuhan fakulti, jabatan serta program-program baru.

Insyallah, UniMAP akan **terus mengamalkan sikap telus dalam pengurusan** agar media mendapat maklumat secukupnya mengenai perkembangan terkini universiti ini dengan tepat dan betul dengan turut dibantu Unit Media UniMAP yang ditubuhkan bagi memudahkan pengamal media berurusan dengan UniMAP terutama membabitkan maklumat terkini universiti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **Rencana Penyelidikan dan Inovasi**

Seperti yang anda sekalian maklum, UniMAP turut menitikberatkan aspek penyelidikan dan inovasi. Sebagai IPTA berteraskan kejuruteraan, UniMAP **mempunyai bilangan penyelidik yang tinggi serta berjaya meraih pelbagai pingat** dalam pertandingan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Saya percaya pendedahan positif mengenai hasil penyelidikan universiti melalui media bukan sahaja memberi maklumat berguna kepada masyarakat malah dapat **menarik minat pihak luar untuk membiayai sesuatu penyelidikan** terutama penyelidikan yang dapat memberi manfaat bersama.

Justeru, sekiranya para pengamal media berhasrat membuat laporan berbentuk rencana berkaitan aspek penyelidikan dan inovasi, **UniMAP amat mengalu-alukan warga media bagi membuat liputan** dan saya yakin, para penyelidik UniMAP bersedia memberikan kerjasama yang sebaiknya dengan dibantu serta diuruskan Unit Media UniMAP sendiri bagi menghasilkan sesuatu penulisan atau rakaman berbentuk rencana.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

### **Media Baru**

Pihak UniMAP juga sedia maklum mengenai tanggungjawab pengamal media dalam mencari isu-isu penting untuk dimuatkan dalam agensi media masing-masing sekaligus dapat disampaikan kepada masyarakat. Namun, saya bagi pihak UniMAP berharap para pengamal media **dapat merujuk semula kepada pihak UniMAP sekiranya terdapat sesuatu berita atau isu-isu sensitif** yang masih belum kesahihannya mengenai universiti.

Hal ini demikian, pembangunan teknologi pada masa kini khususnya **perkembangan pesat media baru** di kalangan masyarakat masa kini juga menyebabkan sesuatu berita sering dimanipulasikan daripada sumber asal,justeru amat besar harapan saya sekiranya sesuatu isu berkaitan UniMAP dapat **dirujuk dan diberi pencerahan** agar universiti ini tidak menjadi mangsa jenayah Internet yang boleh berlaku di mana-mana atau bila-bila masa sahaja.

Bagaimanapun, saya percaya pengamal media di negeri ini sentiasa peka dan telus dalam menyiarkan sebarang berita terutama membabitkan

UniMAP memandangkan para pengamal media di sini **sudah sekian lama bersama serta sentiasa dekat** dengan UniMAP sejak awal penubuhan universiti ini lagi, sekaligus dapat bersama-sama berganding bahu menangani jika terdapat sebarang isu atau masalah yang membelenggu.

Hadirin sekalian,

### **Penutup**

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya dan warga UniMAP memohon maaf jika ada sebarang kekhilafan atau kekurangan sepanjang UniMAP bersama pengamal media selama ini. Malah saya amat **menghargai sumbangan pengamal media dalam menaikkan nama UniMAP di pelbagai peringkat** sekaligus memberi impak yang sangat positif kepada UniMAP sehingga UniMAP berada di tahap sekarang.

Akhir kata, saya mengharapkan hubungan baik dan kerjasama antara UniMAP dan Media ini akan terus kekal dan dapat dieratkan lagi di masa akan datang melalui pelbagai aktiviti bersama.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.